

13 MAY 1999

BON-FAIL

M'SIA FAILKAN PENDAFTARAN DGN SEKURITI AS BAGI TERBITAN BON

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Malaysia telah memfailkan kenyataan pendaftaran dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa Amerika Syarikat di bawah Jadual B Akta Sekuriti AS 1993 bagi penerbitan sekuriti hutang sehingga AS\$3.0 bilion, di mana sejumlah AS\$2 bilion akan diterbitkan pada peringkat permulaan, demikian diumumkan Kementerian Kewangan, hari ini.

Dalam satu kenyataan, kementerian itu menyatakan bon global tersebut akan ditawarkan kepada pelabur-pelabur di Asia, Eropah dan Amerika Syarikat.

Ia juga mengumumkan perlantikan Salomon Smith Barney sebagai pengurus utama bagi penawaran bon global itu.

Satu pameran bergerak pelabur telah dirancang di Asia, Eropah dan AS bermula pada Isnin, kata kementerian itu sambil menambah pengumuman hari ini bukannya satu tawaran jualan sekuriti di AS.

Ia menjelaskan sekuriti itu mungkin tidak ditawarkan atau dijual di AS tanpa pendaftaran atau pengecualian daripada pendaftaran.

Menurut kementerian itu, sebarang tawaran awam sekuriti yang akan dibuat oleh Malaysia di AS akan dilakukan dengan cara prospektus yang mengandungi maklumat terperinci mengenai Malaysia yang boleh diperolehi daripada Kerajaan Malaysia atau Salomon Smith Barney.

Terdahulu hari ini, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Malaysia akan menghantar tiga pasukan untuk memperkenalkan bon itu di luar negara.

Pasukan pertama akan diketuai oleh Menteri Kewangan Pertama Tun Daim Zainuddin, manakala pasukan kedua oleh Menteri Kewangan Kedua Datuk Mustapa Mohamed, dan pasukan ketiga oleh pegawai-pegawai tertinggi Bank Negara Malaysia.

Kerajaan telah "membuat kajian dan penyelidikan" terlebih dahulu dengan mendapatkan maklum balas daripada institusi kewangan antarabangsa, katanya kepada pemberita selepas merasmikan bangunan baru UMNO Selangor, di sini

Sementara itu, Mustapa dipetik sebagai berkata beliau akan memulakan pameran bergerak selama 10 hari ke Hong Kong, Tokyo, Milan, Frankfurt, Boston dan New York untuk tujuan itu.

Mustapa berkata penasihat kewangan kerajaan, Salomon Smith Barney, telah mendaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti dan Bursa di Washington pada 11 Mei untuk menyatakan keputusan Malaysia menerbitkan bon itu.

-- BERNAMA

MFJ ZK MA